

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Triti Perdagangan Senjata (*Arms Trade Treaty - ATT*) telah pun diluluskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 2 April 2013, walaupun agenda ini telah diketengahkan melalui Resolusi bertajuk, *dengan izin*, “*Towards an arms trade treaty: establishing common international standards for the import, export and transfer of conventional arms*” pada tahun 2006. Triti ini akan mula berkuatkuasa pada 24 Disember 2014, selepas setahun ia diluluskan di PBB.

3. Pengwujudan ATT merupakan salah satu usaha masyarakat antarabangsa untuk membanteras jenayah dan aktiviti keganasan dengan mencegah pemindahan senjata konvensional secara haram ke tangan, *dengan izin*, *non-state actors*, termasuklah kumpulan pengganas. Triti ini juga menggariskan piawaian antarabangsa bagi mengawal pemindahan senjata konvensional yang mengikat secara perundangan (*legally binding*). Malaysia telah menandatangani ATT semasa berlangsungnya Perhimpunan Agung PBB ke-68 di New York, yang telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 26 September 2013.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Luar Negeri merupakan agensi yang menerajui perbincangan antara agensi bagi mengkoordinasikan proses ratifikasi Triti ini, sehingga satu agensi bertanggungjawab ke atas pelaksanaan Triti ini diputuskan. Selari dengan keputusan Jemaah Menteri, beberapa siri mesyuarat antara agensi yang dipengerusikan oleh Kementerian Luar Negeri telah diadakan. Siri mesyuarat tersebut bertujuan untuk mengkaji Triti ini dan memperhalusi undang-undang yang sedia ada. Langkah ini diambil bagi memastikan Malaysia mempunyai undang-undang yang mencukupi untuk melaksanakan obligasi dan peruntukan di bawah Triti ini. Proses kajian semula ini sedang dijalankan oleh Kementerian Luar Negeri dengan kerjasama Kementerian dan Agensi berkaitan.

5. Secara umumnya, sebelum Malaysia mengambil keputusan untuk meratifikasi ATT, terdapat beberapa isu yang perlu dilihat dan diteliti bagi memastikan negara memenuhi kesemua peruntukan yang ditetapkan di bawah Triti ini, iaitu:

- 5.1 Isu genosid, jenayah terhadap manusia dan jenayah perang (*war crimes*) perlu diserapkan di dalam undang-undang tempatan sedia ada;
- 5.2 Pemakaian definisi eksport, import, transit dan pembrokeran (*brokering*) dalam undang-undang tempatan sedia ada perlu disemak semula agar ia memenuhi peruntukan yang ditetapkan di bawah Artikel Triti ini;

- 5.3 Mesyuarat antara agensi perlu mengenal pasti agensi yang dianggap kompeten untuk menjadi agensi peneraju pelaksanaan Triti ini di peringkat kebangsaan; dan
- 5.4 Satu garis panduan berhubung pelaksanaan Triti ini juga perlu disediakan mengikut ketetapan ATT.

Sekian, terima kasih.